

Pemaju ambil tanggungjawab sepenuhnya kemalangan di tapak projek

Tahap keselamatan dipertingkatkan

Oleh SITI AINIZA KAMSARI

kota@utusangroup.com.my

PETALING JAYA 9 Okt. - Pemaju Projek Transit Aliran Massa (MRT) jajaran Sungai Buloh - Kajang, MMC-Gamuda KVMRT akan meningkatkan lagi tahap keselamatan di seluruh tapak projek pembinaan.

Timbalan Pengarah Pembinaan MMC-Gamuda, Adil Putra Ahmad berkata, selain memperketatkan aspek kawalan dan penyeliaan, turut diberi tumpuan pemeriksaan lebih kerap sepanjang trek dan landasan serta penambahan kira-kira 60 penyelia keselamatan.

Menurutnya, projek itu hampir 60 peratus siap dan tidak timbul isu pemaju mengejar tarikh siap projek sehingga mengabaikan keselamatan pekerja dan orang awam.

"Pihak MMC-Gamuda KVMRT dan kontraktor pembinaan, Syarikat Muhibbah Perniagaan & Pembinaan (SMPP) mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap pkejadian baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membawa petugas media melawat tapak projek pembinaan laluan MRT di Seksyen 8, Kota Damansara di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan SMPP, Ku Haris Ku Mahmud dan

Pengarah Perhubungan Awam dan Komunikasi Strategik MRT Corp. Sdn. Bhd. Amir Mahmood Razak.

Pada 18 Ogos lalu, tiga pekerja buruh binaan warga Bangladesh, Mohamad Faruk Khan, Mohammad Elahi Hossain dan Mohammad Alauddin Mollik terkorban di tapak projek pembinaan laluan dan Stesen MRT Kota Damansara itu.

Kemalangan pada pukul 8.30 malam itu berlaku apabila span konkrit seberat 490 tan jatuh dan menimpa pekerja-pekerja tersebut.

Adil Putra berkata, walaupun Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja (NIOSH) masih menjalankan siasatan, pekerja dan orang awam tidak perlu bimbang.

"Kebenaran meneruskan kerja-kerja pembinaan diberikan pada 17 September lalu, setelah semua pihak berpuas hati dengan tahap keselamatan di tapak projek," katanya.

Tambahnya, pampasan sebanyak RM20,000 ribu telah dibayar kepada ahli keluarga setiap mangsa.

"Keseluruhan pampasan dibayar adalah sebanyak RM60,000 dan tuntutan insurans pula sebanyak RM60,000 bagi setiap mangsa.

"Kita berharap dengan bayaran tersebut dapat meringankan beban keluarga mangsa," katanya.



KU Haris Ku Mahmud (kiri) menerangkan kemajuan projek kepada Amir Mahmood Razak sambil diperhatikan Adil Putra Ahmad (tengah) semasa lawatan media ke tapak projek MRT di Seksyen 8, Kota Damansara, Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD RAHMAN